



BAHASA MELAYU TAHUN 3

KATA NAFI

Sila tonton video di bawah . Kemudian, jawab latihan yang disediakan.



KATA NAFI

- ialah kata yang menjadi unsur nafi bagi frasa predikat.
- Ada dua bentuk kata nafi iaitu, **bukan** dan **tidak**.

Kata Nafi	Contoh Ayat
Bukan • Menjadi unsur nafi frasa nama dan frasa sendi nama	1. Beliau bukan Cikgu Fatimah. (frasa nama)
	2. Makanan itu bukan untuk ayah. (frasa sendi nama)
	3. Buku itu bukan buku saya. (frasa nama)
	4. Murid itu bukan dari Selangor. (frasa sendi nama)
Tidak • Menjadi unsur nafi frasa adjektif dan frasa kerja.	1. Abang tidak makan malam hari ini. (frasa kerja)
	2. Bunga mawar itu tidak wangi. (Frasa adjektif)
	3. Walaupun rumahnya tidak besar tetapi cantik. (Frasa adjektif)
	4. Budak itu tidak mencuri. (frasa kerja)



LATIHAN 1

BUKU AKTIVITI BM JILID 1 M/S 72
Pilih kata nafi yang sesuai.

Bersatu Kita Berjaya

Kelab Doktor Muda, SK Perdana akan membuat pembentangan tentang penjagaan gigi. Aktiviti ini diadakan sempena Bulan Kesihatan.

Wah, cantiknya! Pandai sungguh kamu mewarnakan replika gigi ini. _____ mudah untuk mewarnakannya,” puji Imran kepada Li Kiang.

“_____ saya sahaja yang mewarnakan replika ini. Hemalini juga membantu saya,” jelas Li Kiang.

“Imran, pembentangan penjagaan gigi ini diadakan pada minggu ini?” tanya Li Kiang pula.

“Pembentangan ini _____ pada minggu ini. Mungkin diadakan pada minggu hadapan,” Imran memberitahu.

“Pembentangan ini _____ mungkin diadakan pada minggu hadapan kerana peperiksaan akan bermula,” kata Hemalini.

“Kalau begitu, kita masih ada masa untuk menyiapkan replika gigi ini,” kata Imran.

“Ya, Imran. _____ kamu sahaja yang berfikiran begitu. Saya juga berasa lega. Kita dapat memperkemas replika gigi kita ini,” jelas Li Kiang.

“Betul kata kamu, Li Kiang dan Imran. Kita _____ akan mensia-siakan masa yang ada. Kalau kita tidak bekerjasama, _____ mungkin kita akan dapat menyiapkan replika ini mengikut tempoh yang ditetapkan.

“Kamu jangan susah hati, Kiran. Saya yakin kalau kita saling membantu, kita pasti dapat menyiapkannya,” kata Imran dengan semangatnya.



LATIHAN 2

BUKU AKTIVITI BM JILID 1 M/S 73
Pilih kata nafi yang sesuai.

Kumpulan Belajar



1. Imran, Li Kiang dan Kiran telah mendapat keputusan cemerlang dalam pelajaran. Usaha mereka membentuk kumpulan belajar pelbagai kaum selama ini (tidak/bukan) sia-sia.
2. (Tidak/Bukan) mereka sahaja yang telah berjaya, Hemalini dan Aliya juga telah terpilih sebagai murid cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu.
3. Kumpulan belajar mereka (bukan/tidak) sahaja dipuji oleh cikgu malahan telah menjadi contoh kepada murid-murid yang lain. Walaupun mereka berlainan kaum, tetapi mereka selesai belajar bersama-sama.
4. Setiap kali mereka menghadapi masalah dalam pelajaran, mereka (bukan/tidak) akan berdiam diri. Mereka akan bertanya kepada guru, rakan dan ibu bapa.
5. Mereka (bukan/tidak) membuang masa apabila ada masa lapang. Mereka akan menyiapkan kerja sekolah bersama-sama. Mereka selalu berbincang dan bertoleransi antara satu sama lain.
6. Mereka sering membantu (bukan/tidak) sahaja ahli kumpulan malahan rakan-rakan yang lain tanpa mengira kaum. Oleh itu, perpaduan antara mereka semakin kukuh.



LATIHAN 3

Isikan tempat kosong dengan kata nafi yang betul.



1. Zana _____ berminat untuk menyertai pertandingan nyanyian itu.
2. Kakak ke bandar walaupun masih _____ sihat.
3. Abang memberitahu bahawa hadiah ini _____ untuk adik.
4. Kalau kamu _____ membantu , sudah tentu tugas ini tidak dapat diselesaikan.
5. Rose _____ sahaja bijak, tetapi juga _____ sombong.
6. Cikgu Azman _____ guru Bahasa Melayu kami.

Selamat Belajar & Selamat Maju Jaya.